

25 JUN 1996

Najib - Inggeris

JANGAN ANGGAP INGGERIS TIDAK PENTING, KATA NAJIB

TAIPING, 25 Jun (Bernama) -- Para diminta memperbetulkan anggapan sesetengah pelajar yang bahasa Inggeris tidak perlu dipelajari dan dikuasai.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak hari ini berkata penguasaan bahasa Inggeris penting terutama dalam usaha kerajaan merealisasikan hasrat negara menjadi sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020.

"Jika rakyat terutama pelajar tidak bersungguh-sungguh menguasai bahasa itu maka pembangunan negara akan tergendala," katanya pada majlis pelancaran program " Pembelajaran Akses Kendiri" (PAK) di Sekolah Rendah Kebangsaan Kamunting dekat sini.

Najib berkata kini terdapat sebilangan besar pelajar-pelajar yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa ketiga, dan ada pula yang menganggap bahasa itu tidak perlu dipelajari dan dikuasai.

"Pandangan pelajar-pelajar ini tidak benar dan mengelirukan, dan perlu diperbetulkan oleh para guru," katanya.

Rakyat, katanya, tidak perlu bimbang yang kecemerlangan dalam bahasa Inggeris akan menggugat kedudukan bahasa Melayu.

Najib berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seringkali mengingatkan bahawa dasar kerajaan memperluaskan dan mempertingkatkan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat merupakan sebahagian daripada langkah untuk memajukan bahasa Kebangsaan kerana bahasa Inggeris diperlukan untuk memajukan rakyat khususnya Bumiputera.

Beliau berkata penggunaan bahasa Inggeris untuk memajukan bangsa tidak dapat dielakkan kerana zaman sekarang menuntut rakyat menguasai ilmu terutama dalam bidang sains dan teknologi, terutama sekali menuju ke abad ke 21.

Najib berkata pelajar yang mempunyai kemahiran ini perlu dipertingkatkan bagi memastikan generasi akan datang dapat menghadapi ledakan maklumat dan kemajuan teknologi yang semakin canggih.

Mengenai Program PAK, katanya, ianya bertujuan menggalakkan murid belajar bahasa Inggeris mengikut kadar kebolehan mereka mengenai sesuatu kemahiran atau tajuk pilihan mereka.

Projek percubaan ini telah dilancarkan oleh Pusat Pengembangan Kurikulum di 152 sekolah rendah di seluruh negara dan telah menunjukkan kejayaan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid yang terlibat terutama di luar bandar.

Beliau berkata di Selangor terdapat dua sekolah yang memulakan program ini bagi mata pelajaran lain seperti bahasa Melayu dan matematik. --
BERNAMA.

KSG MAI